

**Tahap Pengetahuan Bahasa Mendriq dalam Kalangan Pelajar Sekolah Kebangsaan
Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan**

*Level of Language Knowledge of Mendriq Among Students of Sekolah Kebangsaan Kuala
Klah, Gua Musang, Kelantan*

Mohamad Suhaizi Suhaimi^{1*}, Aimi Nazierra Azli² dan Muhammad Faizuddin Hashim³

^{1,2}Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Malaysia

³Jabatan Bahasa & Pengurusan, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 26300
Gambang, Malaysia

**Corresponding author: msuhaizi@iium.edu.my*

Received: 13 February 2025; **Revised:** 19 May 2025; **Accepted:** 24 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Suhaimi, M. S., Azli, A. N., & Hashim, M. F. (2025). Tahap pengetahuan Bahasa Mendriq dalam kalangan pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. *PENDETA*, 16(1), 181-188. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.15.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.15.2025>

ABSTRAK

Komuniti Orang Asli merupakan antara golongan minoriti di Malaysia termasuklah bagi suku kaum Mendriq di Gua Musang, Kelantan. Fenomena seperti kepupusan bahasa boleh berlaku sekiranya jumlah penutur sesuatu bahasa mengalami penurunan yang ketara. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti leksikal dalam bahasa Mendriq dan menganalisis tahap pengetahuan bahasa Mendriq dalam kalangan pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang melibatkan instrumen kajian seperti kaedah temu bual dan persampelan rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 10 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Lah mempunyai pengetahuan yang agak baik dalam bahasa Mendriq bagi 10 leksikal yang diajukan kepada mereka. Walau bagaimanapun, usaha memelihara bahasa Mendriq ini tetap perlu dilaksanakan berikutan bahasa ini merupakan bahasa yang berada di ambang kepupusan.

Kata kunci: kaum Mendriq; bahasa Mendriq; pelajar; tahap pengetahuan; Kg. Kuala Lah

ABSTRACT

The Orang Asli community is among the minority groups in Malaysia, including the Mendriq tribe in Gua Musang, Kelantan. Phenomena such as language extinction can occur if the number of speakers of a particular language declines significantly. Therefore, this study was conducted with the aim of identifying the lexical items in the Mendriq language and analyzing the level of knowledge of the Mendriq language among students of Sekolah Kebangsaan Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. This study employed a qualitative approach, involving research instruments such as interviews and simple random sampling. The findings show that 10 students from Sekolah Kebangsaan Kuala Lah have a fairly good knowledge of the Mendriq language for the 10 lexical items presented to them. Nevertheless, efforts to preserve the Mendriq language must still be carried out, as it is a language on the brink of extinction.

Keywords: Mendriq tribe, Mendriq language, student, level of knowledge, Kg. Kuala Lah

PENGENALAN

Sosiolinguistik merupakan salah satu cabang linguistik yang mengkaji hubungan antara bahasa serta penggunaan bahasa dalam masyarakat seperti sikap terhadap bahasa, kepelbagaian bahasa dan sebagainya. Reisa Nurrahman & Rismaniar Kartini (2021) menyatakan bahawa sosiolinguistik ialah ilmu yang memfokuskan kepada bahasa dalam kaitannya dengan penggunaan bahasa tersebut dalam masyarakat. Dalam masyarakat Malaysia, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama menyebabkan sebahagian daripada bahasa yang mempunyai masyarakat minoriti tidak lagi menggunakan bahasanya atas faktor perbezaan jurang bahasa dalam komunikasi.

Sesuatu bahasa akan diancam kepupusan apabila bahasa itu dituturkan oleh golongan masyarakat minoriti. Pernyataan ini disokong oleh Sharifudin Yusop (2013) bahawa isu kematian bahasa merupakan sesuatu yang amat merugikan, bukan hanya kepada pewaris dan penutur bahasa itu sahaja malah kepada seluruh umat manusia. Hal ini demikian kerana, jumlah mereka yang kecil jika dibandingkan dengan penduduk Malaysia menyebabkan bahasa mereka dipandang rendah serta dipinggirkan. Selain itu, kepupusan bahasa sering dikaitkan dengan peralihan bahasa. Peralihan bahasa merupakan sesuatu keadaan apabila bahasa tersebut kehilangan penuturnya (Sa'adijah Ma'lip et al, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa sebuah masyarakat bahasa beralih daripada menggunakan bahasanya kepada bahasa lain.

Di Malaysia, masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada 18 suku kaum. Suku kaum Mendriq misalnya merupakan salah satu suku kaum Orang Asli di Malaysia yang pada asalnya tinggal di gua sejak 40-50 tahun dahulu sebelum penjajahan Jepun ke Tanah Melayu. Kemudian, mereka berpindah ke sebuah kawasan yang dikenali sebagai Sungai Kala. Sungai Kala menempatkan spesies ikan kelah dan jumlahnya dikatakan begitu banyak di sungai-sungai berhampiran. Lama kelamaan, nama penempatan mereka berubah menjadi 'Lah' hasil daripada nama ikan 'Kelah' yang berada di kawasan sungai tersebut. Walaupun kini ikan kelah tidak begitu banyak berbanding pada masa dahulu, sejarah nama 'Kuala Lah' perlu diketahui oleh generasi kini dan akan datang bagi mengekalkan rasa sayang dan cinta pada suku kaum Mendriq itu sendiri.

Terdapat perbezaan utama dalam pertuturan dan dialek kaum-kaum tertentu sama juga seperti kaum orang Asli Mendriq dalam komunikasi harian mereka. Justeru, pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian di Kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan bagi mengenal pasti leksikal bahasa Mendriq serta menganalisis tahap pengetahuan pelajar sekolah terhadap bahasa Mendriq.

Pernyataan Masalah

Kepupusan bahasa minoriti terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli bukan suatu isu yang baharu. Sebagai contoh, kajian Nur Faaizah Md Adam, Mohd Sharifudin Yusop dan Riduan Makhtar (2024) yang memberi tumpuan kepada aspek fonologi dan leksikal bahasa Jahut yang mengalami proses dominasi bahasa utama, khususnya bahasa Melayu. Selain itu, kajian oleh Sa'adijah Ma'lip (2019) pula mengenai tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol di Melaka yang bakal berhadapan dengan kepupusan bahasa. Walau bagaimanapun, kajian yang sedia ada lebih banyak tertumpu kepada aspek bahasa dan penggunaan bahasa namun masih kurang kajian yang memberi fokus terhadap tahap pengetahuan pelajar dalam bahasa minoriti terutamanya bagi bahasa Mendriq. Sekiranya hal ini tidak diambil perhatian serius, bahasa Mendriq bakal mengalami kepupusan atau kematian bahasa. Hal ini sejajar dengan kenyataan Crystal (2002) menyatakan bahasa Orang Asli akan pupus setiap dua minggu.

Seterusnya, akhbar dalam talian myMetro melaporkan bahawa bahasa Mendriq berpotensi tidak akan digunakan lagi dalam tempoh dua dekad akan datang jika langkah pemeliharaan tidak diambil dengan segera. Laporan tersebut dibentangkan oleh Fazal Mohamed Sultan (2023) dengan pernyataan bahawa prestasi pendidikan kanak-kanak Orang Asli Mendriq merupakan paling corot berbanding Orang Asli suku kaum yang lain. Hal ini merupakan perkara yang besar dan membimbangkan berikutan pendidikan merupakan aset penting dalam pembangunan negara.

Selain itu, terdapat kekeliruan dalam senarai kata bahasa Mendriq melalui kajian yang dijalankan oleh Harishon Radzi et al. (2011) apabila terjemahan bahasa Melayunya adalah kurang tepat. Sebagai contoh, perkataan 'kedep' didefinisikan sebagai 'mengutip' sedangkan maksudnya 'mencari' dan perkataan 'aben' sebagai 'sihat' sedangkan membawa maksud 'orang yang baik'. Justeru, hal

tersebut membawa kepada kekeliruan maklumat yang membawa kepada ketidaktepatan maklumat bagi mendokumentasikan bahasa Mendriq ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi objektif kajian iaitu:

- i. Mengetahui leksikal dalam bahasa Mendriq di Kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan.
- ii. Menganalisis tahap pengetahuan leksikal bahasa Mendriq terhadap pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan.

Sorotan Kajian

Kajian yang memfokuskan kepada kepupusan bahasa telah banyak dilakukan oleh beberapa pengkaji di Malaysia serta di luar negara terhadap bahasa-bahasa minoriti. Selain itu, kajian-kajian lepas juga dilihat banyak memfokuskan penggunaan bahasa Orang Asli dalam aspek domain kekeluargaan serta pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli.

Kajian Kepupusan Bahasa

Farida Maricar (2020) mengkaji penggunaan bahasa Ternate yang semakin terpinggir akibat dominasi bahasa Melayu Ternate. Beliau mendapati bahawa perubahan ini dipengaruhi oleh keengganan ibu bapa untuk mewariskan bahasa tersebut kepada anak-anak. Sebahagian besar generasi muda tidak lagi bertutur dalam bahasa Ternate disebabkan banyak upacara budaya kini menggunakan bahasa Melayu Ternate sebagai alternatif. Hal ini terjadi apabila ibu bapa sendiri juga yang tidak mahu menggunakan bahasa Ternate semasa berkomunikasi dengan anak-anak menyebabkan anak-anak lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu Ternate sebagai bahasa utama dalam percakapan harian terutamanya dengan kawan-kawan. Selain itu, sebahagian besar upacara perkahwinan juga menggunakan bahasa Melayu Ternate. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan bahasa Ternate ini adalah kerana peristiwa hubungan bahasa yang telah menjadi identiti baharu bagi penuturnya. Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan bahasa menjadi penyebab kepada penyerapan identiti baharu dalam kalangan penutur bahasa Ternate.

Siti Ifwah Fauzani Chuchu (2023) pula meneliti situasi bahasa Belait, bahasa kaum minoriti Melayu di Brunei Darussalam. Bahasa ini semakin terancam akibat dominasi bahasa Melayu Brunei sebagai lingua franca. Menurut kajian ini, bilangan penutur tidak mempunyai kaitan dengan keterancaman bahasa Belait ini namun bahasa ini terancam disebabkan masyarakat itu sendiri yang memilih untuk tidak menggunakannya. Hal ini pula disokong melalui kenyataan Shamsul Rijal (2021) yang mengatakan bahawa kepupusan bahasa tidak berkait dengan jumlah populasi tetapi mula terancam apabila masyarakat mereka sendiri yang tidak mahu bertutur menggunakan bahasa itu. Pengkaji juga menyatakan jika perkara ini dibiarkan berlarutan atau tiada usaha untuk memelihara bahasa Belait ini akan menjejaskan identiti masyarakat Belait sebagai penutur natif.

Sa'adiah Ma'alip (2019) membincangkan ancaman terhadap bahasa Kreol di Melaka, yang disebabkan oleh kecenderungan penutur beralih ke bahasa Inggeris. Populasi masyarakat Kreol yang tergolong dalam golongan minoriti perlu diberikan perhatian khusus kerana masyarakat minoriti ini cenderung beralih bahasa kepada bahasa yang lebih dominan iaitu bahasa Inggeris. Justeru, objektif utama kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol serta mengenal pasti bahasa-bahasa yang berada di tahap kepupusan. Sehubungan itu, hasil kajian terhadap bahasa masyarakat Kreol di Melaka menunjukkan bahawa kesemua bahasa ini berada pada tahap yang terancam. Hal ini terjadi kerana masyarakat Kreol ini lebih mengutamakan bahasa Inggeris menyebabkan ketiga-tiga bahasa masyarakat Kreol ini semakin terancam. Kepupusan ini berkait rapat dengan perubahan nilai ekonomi bahasa, iaitu penutur lebih menghargai bahasa dengan nilai ekonomi

tinggi. Walaupun populasi minoriti Kreol masih menuturkan bahasa ini, peratusan penggunaannya semakin menurun.

Kajian Mengenai Orang Asli

Nur Faaizah et al. (2018) meneliti aspek fonologi dan leksikal bahasa Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang. Kajian ini menunjukkan kebimbangan terhadap bilangan penutur bahasa Jahut yang kecil, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang cenderung memilih bahasa Melayu. Pengkaji mendapati, meskipun generasi tua masih menuturkan bahasa Jahut, terdapat proses asimilasi dan dominasi oleh bahasa Melayu melalui pendidikan dan perkahwinan campur. Walaupun bahasa Jahut tidak menunjukkan tanda kepupusan segera, potensi kepupusan tetap wujud sekiranya pendokumentasian tidak dilakukan.

Kajian oleh Norajihah Muda dan Zaitul Azma (2021) pula meneliti persamaan leksikal antara bahasa Che Wong dan bahasa Melayu. Pengaruh bahasa Melayu dalam kosa kata bahasa Che Wong dikesan melalui perbandingan senarai kata Swadesh. Walaupun terdapat kekerabatan kosa kata yang tinggi antara kedua-dua bahasa, bahasa Che Wong masih mengekalkan keunikan tersendiri. Pendokumentasian bahasa Che Wong disarankan untuk memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus akibat pengaruh bahasa Melayu yang semakin dominan.

Seterusnya, Riduan Makhtar et al. (2018) meneliti proses peminjaman kata dari dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar. Proses ini berlaku akibat interaksi sosial yang rapat antara masyarakat Temiar dan orang Melayu Kelantan. Peminjaman ini melibatkan aspek seperti teknologi, pakaian, dan kata nama. Walaupun penyerapan ini memudahkan komunikasi, ia juga menghakis keaslian bahasa Temiar, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Berdasarkan sorotan literatur yang dibuat, kajian kepupusan bahasa sebelum ini banyak tertumpu kepada aspek fonologi dan leksikal, pemilihan bahasa dan keterancaman bahasa bagi membuktikan kedudukan bahasa minoriti yang diancam mengalami kepupusan. Manakala, kajian yang berfokuskan kepada orang asli lebih tertumpu kepada aspek domain kekeluargaan serta pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli. Oleh itu, kajian mengenai tahap pengetahuan pelajar dalam bahasa ibunda terutamanya bahasa orang asli masih belum dijalankan terutamanya terhadap bahasa Mendriq.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan temu bual separa berstruktur dan kajian kepustakaan sebagai instrumen utama. Terdapat dua kategori sampel kajian yang digunakan untuk menganalisis kajian ini. Sampel pertama dipilih untuk mendapatkan data berkaitan dengan leksikal bahasa Mendriq, manakala sampel kedua pula merupakan informan untuk menganalisis tahap pengetahuan terhadap leksikal bahasa Mendriq tersebut. Sampel pertama dipilih dengan menggunakan pendekatan NORM (*Non-Mobile, Old, Rural, dan Male*) yang diperkenalkan oleh J.K. Chambers dan Peter Trudgill (1990). Manakala sampel kedua pula dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah kerana responden yang terlibat perlulah mempunyai ciri-ciri yang seragam atau sama iaitu pelajar sekolah rendah yang bersuku kaum Orang Asli Mendriq. Oleh itu, seorang lelaki berumur 41 tahun yang merupakan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung Orang Asli (JKKOA) di kampung tersebut telah dipilih sebagai sampel pertama, manakala 10 orang pelajar Orang Asli suku Mendriq yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kuala Lah, Gua Musang, dipilih sebagai sampel kedua.

Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan teknik temu bual separa berstruktur terhadap sampel-sampel kajian yang dipilih. Temu bual telah dilakukan secara bersemuka untuk mendapatkan data secara langsung daripada informan-informan yang telah dipilih. Setelah data diperolehi daripada informan utama, pengkaji menyenaraikan leksikal-leksikal bahasa Mendriq tersebut dan dikategorikan kepada tiga bentuk penggolongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Seterusnya, analisis terhadap tahap pengetahuan semua pelajar mengenai leksikal-leksikal bahasa Mendriq diuji bagi mempersembahkan data dalam bentuk jadual untuk membanding beza tahap pengetahuan setiap pelajar. Hasil analisis ini dapat menentukan tahap pengetahuan pelajar dalam bahasa Mendriq.

Analisis Kajian

Dalam analisis kajian ini, pengkaji mengkategorikan dapatan kajian dalam tiga bentuk golongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Leksikal-leksikal ini merupakan data yang diperoleh daripada sumber informan utama.

Jadual 1 Kata Nama Bahasa Mendriq

Bil.	Bahasa Mendriq (Kata Nama)	Simbol Fonetik	Bahasa Melayu Standard
1.	cas	[čas]	tangan
2.	ketok	[kə.toʔ]	hari
3.	kebek	[kə.bəʔ]	buah
4.	nemsam	[nəm.sam]	pemburu
5.	hanyak	[ha.jāʔ]	rumah
6.	mendrak	[mən.draʔ]	kurang
7.	hep	[həp]	hutan
8.	aker	[a.kər]	rotan
9.	cebak	[čə.baʔ]	bukit
10.	tom	[təm]	air

Jadual 1 menunjukkan leksikal kata nama dalam bahasa Mendriq. Dalam senarai di atas, kebanyakan leksikal masih digunakan oleh masyarakat Orang Asli Mendriq dalam pertuturan harian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa leksikal yang sudah tidak lagi digunakan oleh generasi muda masyarakat kaum Orang Asli Mendriq seperti *mendrak* [mən.draʔ] dan *nemsam* [nəm.sam].

Jadual 2 Kata Kerja Bahasa Mendriq

Bil.	Bahasa Mendriq (Kata Kerja)	Simbol Fonetik	Bahasa Melayu Standard
1.	cik	[čiʔ]	makan
2.	teboh	[tə.bəh]	pukul
3.	tek	[teʔ]	tidur
4.	cep	[čəp]	pergi
5.	rayeng	[ra.jəŋ]	bersiar-siar
6.	yaw baju	[jaw] [ba.ju]	membasuh baju
7.	ney poi baju	[nēj] [poi] [ba.ju]	menjemur baju

Jadual 2 menunjukkan leksikal-leksikal bahasa Mendriq dalam bentuk golongan kata kerja. Antara leksikal dalam kata kerja dalam bahasa Mendriq adalah seperti *cik* [čiʔ], *teboh* [tə.bəh] dan *tek* [teʔ].

Jadual 3 Kata Adjektif Bahasa Mendriq

Bil.	Bahasa Mendriq (Kata Adjektif)	Simbol Fonetik	Bahasa Melayu Standard
1.	Petis	[pə.tis]	Sakit
2.	Jeom	[jə.əm]	Kotor
3.	Aben	[a.bən]	Orang yang baik
4.	Bow	[bow]	Besar
5.	Kek Kek	[kəʔ] [kəʔ]	Demam
6.	Dehit	[də.hit]	Manis
7.	Peheng	[pə.həŋ]	Merah
8.	Bekon	[bə.kən]	Putih
9.	Menjek	[mən.jəʔ]	Tinggi
10.	Beltak	[bəl.taʔ]	Hitam

Seterusnya, Jadual 4.2 pula menunjukkan leksikal-leksikal bahasa Mendriq dalam bentuk golongan kata adjektif. Antara leksikal dalam kata adjektif dalam bahasa Mendriq adalah seperti petis [pə.tis], jeom [jə.ɔm], aben [a.bən], bow [bow], kek kek [kəʔ] [kɛʔ], dehit [də.hit], peheng [pə.həŋ], bekon [bə.kən], menjek [mən.jəʔ] dan beltak [bə.l.taʔ].

Analisis Tahap Pengetahuan Pelajar dalam Bahasa Mendriq

Analisis tahap pengetahuan dijalankan kepada sepuluh orang responden. Justeru, para responden dinilai berdasarkan tahap pengetahuan mengikut jenis kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Jadual 4 Tahap Pengetahuan Kata Nama

Pelajar / Bahasa Mendriq	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10
Cas	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Ketok	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kebek	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Nemsam	X	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	X
Hanyak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Mendrak	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Hep	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X
Aker	X	X	X	X	X	✓	X	✓	✓	✓
Cebak	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
Tom	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Jadual 4 menunjukkan majoriti pelajar dapat menjawab leksikal bahasa Mendriq dengan betul kesemuanya bagi leksikal cas [čas], kebek [kə.bəʔ], hanyak [ha.nāʔ], tom [tɔm] kecuali kebek [kə.bəʔ] iaitu terdapat seorang pelajar yang menjawab dengan salah. Bagi leksikal ketok [kə.toʔ], hep [həp], cebak [čə.baʔ] separuh daripada mereka memberikan jawapan yang salah dan separuh lagi menjawab dengan betul. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa leksikal yang hampir kesemuanya tidak dapat dijawab dengan betul oleh pelajar iaitu leksikal nemsam [nəm.sam] dan mendrak [mən.draʔ]. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan leksikal mendrak [mən.draʔ] sudah tidak lagi digunakan oleh pelajar-pelajar dalam tutur kata seharian mereka.

Jadual 5 Tahap Pengetahuan Kata Kerja

Pelajar / Bahasa Mendriq	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10
Cik	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Teboh	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Tek	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Cep	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Rayeng	✓	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X
Yaw baju	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
Ney poi baju	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Jadual 5 menunjukkan jawapan setiap pelajar bagi menjawab leksikal bagi kata kerja dalam bahasa Mendriq. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cik [čiʔ], tek [teʔ], cep [čəp] dan ney poi baju [nēj] [poi] [ba.ju] dapat dijawab dengan betul oleh kesemua pelajar manakala leksikal teboh [tə.boh] hanya seorang pelajar sahaja yang memberikan jawapan yang salah. Bagi leksikal rayeng [ra.jəŋ], yaw baju [jaw] [ba.ju] terdapat empat orang pelajar yang memberi jawapan salah.

Jadual 6 Tahap Pengetahuan Kata Adjektif

Pelajar / Bahasa Mendriq	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10
Petis	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X
Jeom	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Aben	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Bow	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kek Kek	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Dehit	X	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Peheng	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Bekon	✓	✓	X	X	X	✓	X	✓	X	X
Menjek	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	✓	X
Beltak	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X	✓

Jadual 6 menunjukkan bahawa leksikal jeom [jə.om] dan bow [bow] kesemua pelajar dapat menjawab dengan betul. Bagi leksikal petis [pə.tis] pula hanya tiga orang pelajar sahaja yang dapat menjawab dengan betul. Leksikal dehit [də.hit] seramai enam orang pelajar berjaya memberi jawapan yang betul. Leksikal bekon [bə.kən] dan menjek [məŋ.jəʔ] pula hanya empat orang pelajar sahaja yang memberi jawapan betul. Akhir sekali, bagi leksikal beltak [bəl.taʔ] majoriti pelajar memberikan jawapan yang betul hanya tiga orang pelajar sahaja yang memberikan jawapan salah. Oleh itu, hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa leksikal aben [a.bən], kek kek [kəʔ] [keʔ] dan peheng [pə.həŋ] semuanya dijawab dengan salah.

PERBINCANGAN

Hasil penelitian analisis dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Lah masih berada pada tahap yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pelajar masih mampu untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji semasa sesi temu bual dijalankan mengenai leksikal-leksikal dalam bahasa Mendriq. Mereka juga masih menggunakan leksikal-leksikal ini dalam pertuturan harian. Sememangnya terdapat beberapa leksikal yang sudah tidak lagi digunakan dalam bahasa Mendriq dan terdapat juga leksikal-leksikal yang masih digunakan namun generasi-generasi baharu Orang Asli Mendriq iaitu para pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Lah yang tidak mengetahui kewujudan leksikal-leksikal itu.

Namun begitu, bahasa Mendriq ini tetap perlu diberikan perhatian yang lebih khusus bagi memelihara bahasa ini daripada diancam kepupusan disebabkan populasi kaum ini juga semakin berkurang saban tahun. Justeru, jika golongan penutur masyarakat itu sendiri termasuklah generasi baharu tidak mengamalkan bahasa ini, potensi untuk bahasa Mendriq ini lenyap lebih tinggi seiring dengan tanggapan pengkaji bahasa yang menyatakan bahawa bahasa Mendriq ini akan pupus dalam tempoh 20 tahun lagi.

Walaupun bahasa Mendriq ini merupakan salah satu bahasa minoriti yang mempunyai tahap ancaman pupus yang tinggi kerana bilangan penuturnya yang semakin berkurang, namun kajian mengenai bahasa ini sangat penting untuk dilakukan berikutan dapat mendedahkan kepada masyarakat keunikan bahasa ini. Kekurangan penutur jati bahasa ini amat membimbangkan kerana terdapat sebahagian daripada perkataan bahasa Mendriq juga sudah tidak lagi digunakan dan tidak diketahui oleh generasi muda masyarakat orang Asli Mendriq sendiri. Oleh itu, pelbagai bentuk kajian berkenaan bahasa Mendriq ini boleh dijalankan sama ada dari sudut bidang ilmu yang lain seperti aspek semantik, pragmatik dan sebagainya yang dapat menarik masyarakat untuk mendalami dan mengetahui keunikan bahasa Mendriq ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperlihatkan leksikal-leksikal dalam bahasa Mendriq sama ada yang masih digunakan dan yang sudah tidak digunakan lagi oleh masyarakat Orang Asli Mendriq ini. Dalam kajian ini juga pengkaji dapat meneliti dan menguji tahap pengetahuan pelajar-pelajar orang Asli Mendriq dalam penggunaan leksikal-leksikal bahasa Mendriq dan hasilnya menunjukkan bahawa tahap pengetahuan generasi muda orang Asli Mendriq dalam bahasa Mendriq ini masih pada tahap yang baik walaupun terdapat beberapa perkataan yang sudah tidak diketahui oleh mereka. Oleh itu, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Mendriq masih digunakan oleh masyarakatnya termasuk generasi muda namun bahasa ini tetap berpontensi diancam kepupusan jika tiada usaha untuk memeliharanya bermula dari sekarang.

RUJUKAN

- Adam. N. F., Yusop, M. S., & Makhtar. R., (2024). Bahasa Orang Asli Jahut: Penelitian aspek fonologi dan leksikal. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(11), 12-29.
- Chuchu, S. I. F., (2023). Bahasa Belait Terancam kepupusan: Tinjauan terhadap bahasa minoriti di negara Brunei Darussalam. *Buletin MABBIM*, 14, 40-43.
- Crystal, D., (2002). *The English Language: A Guided Tour of the Language*. Penguin.
- Fazal Mohamed Sultan. (2023, June 27). Bahasa Mendriq pupus 20 tahun lagi?. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/981849/bahasa-mendriq-pupus-20-tahun-lagi>
- J.K Chambers & Peter Trudgil. (1990). Dialektologi. *Dewan Bahasa dan Pustaka*
- Ma'alip, S., (2019). Tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol di Melaka. *AKADEMIKA*, 89 (1), 109-123.
- Ma'lip, S., Abdullah, N.A.V., Shin, C., & Sharif, T. I. S. (2023). Persepsi orang asli Lanoh terhadap usaha pembalikan peralihan bahasa. *Jurnal Melayu*, Edisi Khas, 1-13.
- Makhtar, R., Soflee, N. S., Yusop, M. S., & Laengkang, A. G. (2018). Pengaruh dialek Kelantan dalam Bahasa Temiar: Satu analisis Fonologi Struktural. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 42-54.
- Maricar, F., (2020). Bahasa Melayu Ternate sebagai identitas lain bagi masyarakat Ternate. *Tekstual*, 18(1), 1-4.
- Muda, N., & Hamzah, Z. A. Z. (2021). Leksikostatistik Bahasa Che Wong dan Bahasa Melayu melalui aspek perbandingan kosa kata. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 11-28.
- Nurahman, R., & Kartini, R., (2021). Variasi bahasa dalam percakapan antartokoh film Ajari Aku Islam. *Stilistika Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*. 14(2), 175-186.
- Radzi, H., et al. (2011). Penggolongan kata bahasa Mendriq Negrito: Satu penelitian rintis. *Jurnal Linguistik*, 12, 1-22.
- Yusop, M. S., (2013). Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano & Kanaq. *Penerbit Universiti Putra Malaysia*.